

PENGGUNAAN RODA MASA DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENYUSUN FAKTA SEJARAH MENGIKUT KRONOLOGI DALAM KALANGAN MURID TAHAP 4.

Shaareny a/p M.Saravanan

shaareny1993@gmail.com

Salmah binti Othman

Jabatan Kajian Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah penggunaan Roda Masa dapat meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dalam kalangan murid tahun empat. Tinjauan awal menunjukkan bahawa murid tidak dapat menyusun fakta sejarah mengikut kronologi yang betul. Kajian ini melibatkan sepuluh orang murid dari Kelas 4 K yang mengalami masalah menyusun fakta sejarah mengikut kronologi. Fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi. Roda Masa ini dijalankan dengan pelaksanaan tiga aktiviti yang telah dirancang. Data telah dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian secara berstruktur, temu bual, dan analisis dokumen. Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan mendapat terdapat peningkatan dan kesan positif dari segi peningkatan murid dalam kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi berdasarkan peningkatan markah yang diperoleh murid dalam setiap pelaksanaan aktiviti menggunakan intervensi saya. Diharapkan kajian ini dapat meningkatkan keberkesanannya amalan pengajaran dan memperbaiki kualiti pengajaran saya sebagai guru Sejarah serta dapat menjadi panduan dan memberi kebaikan kepada semua guru dan murid-murid.

KATA KUNCI: Kemahiran menyusun fakta sejarah

PENDAHULUAN

Pada tahun 2014, mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR). Mata pelajaran Sejarah diperkenalkan di sekolah rendah bagi murid tahap dua bagi menyemai kefahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah dari peringkat awal lagi agar murid memperoleh dan menguasai pengetahuan serta kemahiran sejarah. Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tuan Muhyiddin Yassin (2011), juga telah menyatakan yang "Hidup tanpa mengenal Sejarah adalah ibarat hidup tanpa negara." dalam karyanya yang bertajuk "Sudut Pandangan Muhyiddin Yassin". Kandungan kurikulum mata pelajaran Sejarah ini mencakupi sejarah awal hingga masa sekarang yang bertujuan untuk menanam minat murid dalam mata pelajaran sejarah ini.

Menyusun fakta secara berkronologi merupakan salah satu kemahiran yang merangkumi mata pelajaran Sejarah. Menurut John Child, Paul Shuter dan David Taylor (1991) dalam karyanya yang bertajuk *Understanding History*, yang "*Historians need to understand chronology as a first step so they can work out why things happened*". Jika dilihat dalam kandungan Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah yang menggunakan pendekatan kronologi, menyusun fakta sejarah secara kronologi ini merupakan sebahagian kandungan Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang lepas, saya telah mengenal pasti satu masalah yang agak ketara yang selalu timbul dalam kalangan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Masalah ini berkaitan dengan kelemahan murid dalam kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi yang betul. Terdapat murid yang mengalami masalah ini semasa mereka terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penyusunan sesuatu fakta yang melibatkan kronologi tempat, masa dan juga jawatan. Kelemahan murid dalam kemahiran menyusun fakta mengikut kronologi ini boleh dilihat kerana murid tidak diterapkan dengan mata pelajaran Sejarah dari tahap satu lagi. Tambahan pula, gaya pengajaran yang diamalkan guru lebih ke arah corak pengajaran tradisional dan membosankan meninggalkan kesan terhadap murid. Hal ini disokong oleh Magdalia Alfian (2011) dalam karyanya Pendidikan Sejarah Dan Permasalahan yang Dihadapi yang telah menyatakan "Sejarah merupakan mata pelajaran yang tidak menarik, membosankan, sulit dan lain-lain yang menunjukkan sebenarnya siswa tidak menyukai pelajaran itu."

Saya telah mengesan masalah ini semasa saya mengajar mengenai Peristiwa Pengembalaan Parameswara. Murid dapat mengingat semua peristiwa yang berlaku di tempat-tempat tersebut. Namun demikian, murid tidak boleh menyusun fakta tersebut mengikut kronologi tempatnya yang betul. Bagi mengajar topik ini, saya telah menggunakan kaedah berbantuan teknologi maklumat dan komunikasi iaitu menggunakan video Powtoon. Selain itu, sebagai tambahan, saya telah menggunakan sebuah peta untuk menunjukkan Peristiwa Penggembalaan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Bagi aktiviti pengukuhan, saya telah menjalankan aktiviti "Roda Impian Kuiz" dan juga memberi lembaran kerja untuk mengetahui sama ada murid dapat menguasai fakta atau tidak. Masalah yang saya dapat melihat dalam keseluruhan pengajaran saya ialah murid dapat menjawab semua perkara yang berlaku di tempat yang terdapat dalam kronologi pengembalaan Parameswara tetapi murid menghadapi masalah untuk menyusun turutan tempat pengembalaan Parameswara dengan betul. Saya juga telah mengesannya dalam topik yang lain di mana murid tidak dapat menguasai kemahiran menyusun fakta mengikut kronologi dengan betul. Murid juga tidak dapat menyusun fakta secara berkronologi tentang Pengembalaan Parameswara kerana bantu mengajar saya tidak melibatkan mereka secara langsung dalam penyusunan kronologi tersebut terutamanya apabila murid perlu menonton video sahaja. Murid bertindak pasif selain mereka tidak berkeyakinan untuk melibatkan diri.

Saya juga telah memilih tajuk Mari Belajar Sejarah yang bertopik "Konsep Masa dalam Sejarah" di sekolah ini. Saya telah memilih topik Peristiwa Kemerdekaan Negara kita untuk diajar. Saya telah menerangkan tentang peristiwa tersebut terlebih dahulu. Kemudian, murid diminta untuk menjawab lembaran yang saya edarkan kepada mereka. Namun demikian, murid tidak dapat menyusun peristiwa tersebut dengan kronologi yang betul. Dalam keadaan sedemikian, saya bertanggungjawab untuk mencari kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Oleh itu, saya telah menggunakan Roda Masa untuk meningkatkan kemahiran menyusun fakta mengikut kronologi yang betul.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian saya ialah untuk mengatasi masalah murid lemah dalam kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi yang dihadapi dalam kalangan sepuluh orang murid Tahun 4 K. Murid boleh mengingat turutan peristiwa tetapi tidak dapat menyusun dalam kronologi yang betul. Oleh sebab itu, saya lebih menfokuskan kajian saya kepada meningkatkan kemahiran menyusun fakta mengikut kronologi yang betul dalam kalangan murid. Penyusunan fakta sejarah mengikut kronologi yang betul dalam sejarah merupakan suatu perkara yang umum dan penting. Hal ini disokong dalam kenyataan dalam karya "Sejarah" oleh Nana Supriatna (2006) dengan menyatakan yang "Pemahaman terhadap konsep kronologi ini sangat penting. Tanpa konsep kronologi, penyusunan berbagai kerancuan dan dikhawatir peristiwa yang terjadi suatu masa atau zaman akan masuk atau tumpang tindih dengan atau zaman lain."

Kajian ini menggunakan kaedah Roda Masa di mana kaedah ini boleh dijadikan sebagai bahan mainan dan juga sebagai bahan bantu belajar. Kaedah ini ialah bagi mengelakkan murid berasa bosan semasa belajar. Kenyataan ini boleh disokong dengan pendapat Juriah Long (1990), yang menyatakan bahawa "permainan dapat menimbulkan situasi pembelajaran yang menggembirakan murid di samping memupuk semangat bersaing antara murid dan semangat bekerjasama." Selain itu, kaedah yang saya gunakan ini turut membantu murid untuk berkolaborasi antara satu sama lain apabila ketiga-tiga aktiviti yang saya rancang dijalankan. Kaedah ini juga dapat membantu murid untuk mengingat setiap peristiwa yang berlaku di sesuatu tempat atau dalam ruang lingkup sesuatu masa. Apabila murid tidak dapat menyusun fakta sejarah dalam bentuk kronologi yang betul, maka murid mengalami masalah untuk membuat perkaitan tentang sesuatu peristiwa dari segi aspek masa dan juga tempat.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dalam kalangan murid tahun 4 melalui Roda Masa.

SOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini ialah sejauh manakah Roda Masa dapat meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dalam kalangan murid tahun 4?

KUMPULAN SASARAN

Saya telah menjalankan kajian ke atas 39 orang murid kelas 4 K di salah sebuah sekolah rendah yang terletak di kawasan Alor Setar. Kumpulan sasaran terdiri saripada lima orang lelaki dan lima orang perempuan. Sepuluh orang murid saya berbangsa Melayu. Murid ini terdiri daripada enam murid yang berada pada tahap sederhana dan empat orang murid yang lemah dalam kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi.

PELAKSANAAN KAJIAN

Tindakan atau intervensi ini adalah untuk meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dalam kalangan murid dengan menggunakan alat Roda Masa. Saya telah memilih nama Roda Masa bagi intervensi saya kerana perkataan roda yang menggambarkan sesuatu yang berpusing dan sesuatu benda yang sentiasa bergerak. Roda ini bagi mewakili sesuatu pergerakan ataupun turutan sesuatu peristiwa ke masa depan atau masa lampau. Nama Masa bagi intervensi saya pula mewakili kronologi yang merupakan salah satu aspek yang penting dalam sejarah. Secara kesimpulannya, Roda Masa ini menggambarkan sesuatu pergerakan masa. Intervensi saya melibatkan tiga aktiviti iaitu, aktiviti Roda Peristiwa, Roda Berlapis dan juga Roda Memori. Dalam aktiviti pertama iaitu Roda Peristiwa, murid boleh menggunakan sebagai alat bantu belajar. Alat ini boleh dirasa dan digunakan murid tanpa hanya perlu mendengar penjelasan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Murid akan mendapat pengalaman langsung semasa menggunakan alat ini. Dalam aktiviti kedua dan aktiviti ketiga, murid boleh menjadikan Roda Masa sebagai bahan mainan.

Aktiviti Satu : Roda Peristiwa

1. Murid terlebih dahulu diperkenalkan tentang peristiwa yang ingin diajar dan peristiwa tersebut diceritakan kepada murid.
2. Guru menyelitkan semua fakta tentang peristiwa yang diajar mengikut kronologi dalam Roda Masa mengikut label nombor yang terdapat pada Roda Masa.

3. Guru mendemonstrasikan cara menggunakan Roda Masa untuk belajar mengenai sesuatu peristiwa secara berkronologi.
4. Guru mengajar menggunakan Roda Masa.
5. Murid diberikan Roda Masa tersebut.
6. Murid akan diberi peluang untuk memutarkan roda tersebut untuk mengetahui aliran kronologi peristiwa yang dipelajari..
7. Apabila murid memutarkan Roda Masa tersebut, murid akan melihat satu demisatu fakta tentang peristiwa yang dipelajari secara berkronologi dalam roda tersebut.
8. Guru menjalankan kuiz untuk melihat sama ada murid boleh mengetahui inti pati peristiwa ini selain mengetahui susunan yang betul.

Aktiviti Dua : Roda Berlapis

1. Guru mengedarkan Roda Masa yang berlapis kepada murid yang berada dalam kumpulan.
2. Semua murid diberikan giliran masing-masing.
3. Murid memutarkan Roda Masa.
4. Apabila Roda Masa berhenti, salah satu fakta yang terdapat dalam peristiwa tersebut akan ditunjukkan.
5. Murid yang mendapat giliran pertama akan membaca fakta tersebut dan akan meneka fakta seterusnya yang terdapat dalam susunan fakta sejarah mengenai peristiwa tersebut.
6. Langkah 2 hingga 4 akan diteruskan dengan murid yang seterusnya.
7. Selepas tamat giliran semua murid, kesemua murid tersebut perlu menyusun fakta sejarah tentang peristiwa mengikut kronologi yang betul.
8. Ahli dalam kumpulan akan membuat penilaian terhadap penyusunan fakta sejarah mengikut kronologi yang betul yang dilakukan oleh rakan.

Aktiviti Tiga : Roda Memori

1. Guru akan memberikan Roda Masa yang telah dikeluarkan semua faktanya kepada murid.
2. Murid akan berada dalam bentuk kumpulan.
3. Murid akan dibacakan peristiwa yang diceritakan dalam bentuk kronologi secara sepantas lalu oleh guru.
4. Murid diberi giliran masing-masing.
5. Murid akan memutarkan Roda Masa tersebut.
6. Apabila Roda Masa berhenti dan menunjukkan sesuatu nombor.
7. Murid yang pertama dalam giliran akan memilih kad fakta yang betul mengikut turutan yang betul yang terdapat pada murid pemutar dan akan selitkan pada Roda Masa.
8. Murid yang dapat menyelitkan fakta yang betul dan dapat menyusun semula semua fakta berkaitan peristiwa tersebut dengan betul pada akhir permainan akan dikira sebagai pemenang.

DAPATAN KAJIAN

Data Pemerhatian

Saya telah memerhati dan merekod maklumat dengan menggunakan borang senarai semak pemerhatian. Dalam analisis pemerhatian, saya telah menggunakan hasil dapatan senarai semak sebelum aktiviti intervensidan hasil dapatan senarai semak selepas menggunakan aktiviti intervensi. Saya telah memerhati setiap seorang murid. Melalui pemerhatian saya untuk aktiviti satu, dua dan tiga , saya dapat melihat yang sepuluh murid saya dapat melibatkan diri secara aktif. Selain itu, murid juga dapat menjawab lembaran kuiz

yang diberi. Semua murid juga mempunyai keupayaan untuk menyusun fakta mengikut kronologi walaupun bukan semua dalam turutan yang betul dalam aktiviti satu ini. Bagi aktiviti kedua dan ketiga, murid boleh mengenalpasti fakta yang terdapat dalam peristiwa tersebut. Perkembangan menyusun murid juga meningkat jika dibandingkan dengan aktiviti satu kerana daripada banyak turutan yang salah, murid boleh mendapat lebih banyak betul. Kesemua murid ini juga dapat meneka dalam masa seminit. Bagi aktiviti ketiga, semua murid boleh mengenalpasti semua fakta yang terdapat dalam peristiwa tersebut, semua murid boleh menyusun semua fakta dengan betul dan kemahiran murid juga semakin meningkat jika dibandingkan dengan aktiviti dua.

Data Analisis Dokumen

Jadual 1: Perbandingan Tahap Pencapaian Murid Antara Tiga Aktiviti yang dijalankan.

Murid	TAHAP PENCAPIAAN		
	AKTIVITI 1	AKTIVITI 2	AKTIVITI 3
Murid A	BAIK	BAIK	CEMERLANG
Murid B	BAIK	SEDERHANA	CEMERLANG
Murid C	SEDERHANA	SEDERHANA	BAIK
Murid D	BAIK	BAIK	CEMERLANG
Murid E	SEDERHANA	SEDERHANA	BAIK
Murid F	BAIK	SEDERHANA	CEMERLANG
Murid G	BAIK	BAIK	CEMERLANG
Murid H	BAIK	SEDERHANA	BAIK
Murid I	BAIK	BAIK	CEMERLANG
Murid J	BAIK	BAIK	CEMERLANG

Saya juga mengumpul maklumat daripada hasil lembaran kuiz murid. Selain itu, penggunaan borang pemarkahan untuk membuat penilaian tentang tahap penguasaan murid dalam kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi. Bagi aktiviti satu, tahap penguasaan murid ialah murid dapat mengetahui perkara asas tentang rentetan peristiwa pengembalaan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Bagi aktiviti dua dan ketiga pula, murid memahami rentetan peristiwa pengembalaan Parameswara dari Palembang ke Melaka. Pemarkahan murid telah dinilai berdasarkan tahap pencapaian. Tahap pencapaian murid semakin meningkat dalam ketiga-tiga aktiviti yang dijalankan. Tahap pencapaian murid boleh dibandingkan dalam jadual di atas. Tahap pencapaian bagi aktiviti satu ditetapkan berdasarkan bilangan jawapan yang betul. Hasil daripada dapatan saya bagi aktiviti satu, saya telah mendapati lapan orang murid berada pada tahap pencapaian yang baik dan hanya dua orang murid berada pada tahap sederhana dalam menjawab lembaran kuiz. Manakala bagi aktiviti kedua dan ketiga, tahap pencapaiannya ditetapkan bagi keupayaan menyusun fakta sejarah dalam turutan yang betul. Bagi aktiviti kedua, lima murid berada pada tahap sederhana dan lima orang lagi berada pada tahap baik. Bagi aktiviti ketiga pula, tujuh murid berada dalam tahap yang cemerlang dan tiga orang murid berada pada tahap yang baik.

Data Temu Bual

Temu bual telah dijalankan secara berstruktur bersama murid yang menjadi kumpulan sasaran dan juga guru di sekolah ini. Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang keberkesanan kaedah kajian. Temu bual ini dijalankan ke atas empat orang murid dan juga seorang guru. Saya telah menjalankan temu bual ini bersama murid B, C, G dan J dan guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah di sekolah ini. Semua murid berpendapat yang aktiviti yang saya jalankan tidak terlalu sukar atau mudah. Semua murid telah

menyatakan yang mereka dapat menyusun semua fakta mengikut kronologi. Semua murid juga boleh mengingat setiap fakta dalam peristiwa walaupun hanya dalam bentuk yang mudah. Guru juga telah memberi respon yang positif tentang Roda Masa. Guru berpendapat Roda Masa sesuai digunakan dalam meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi. Guru juga telah mencadangkan penambahbaikan terhadap Roda Masa saya iaitu penambahan muzik dan juga lampu selain pembahagian kumpulan antara murid yang lemah dan sederhana.

PERBINCANGAN DAN REFLEKSI

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, dapat dibuat kesimpulan bahawa kaedah Roda Masa dapat membantu murid menguasai kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dengan lebih baik. Kajian ini berobjektifkan untuk meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dalam kalangan murid tahun 4. Malahan, dapatan kajian ini telah menyokong dan mencapai objektif dalam kajian ini. Berdasarkan kajian yang saya telah jalankan, saya dapat lihat beberapa kebaikan dan juga kelemahan yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk memperbaiki supaya boleh meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dalam kalangan murid tahun empat.

Kajian ini juga memenuhi objektif kajian iaitu dapat meningkatkan kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi dalam kalangan murid tahun empat. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam pelaksanaan tiga aktiviti menggunakan Roda Masa yang dilaksanakan secara berperingkat iaitu dari mudah ke susah. Aktiviti menggunakan Roda Masa ini bermula dengan murid menggunakan sebagai alat bantu belajar. Kemudiannya dalam aktiviti dua murid dikehendaki meneka turutan peristiwa yang seterusnya berdasarkan turutan yang terpapar pada Roda Masa. Akhir sekali, kesukarannya meningkat dalam aktiviti tiga di mana murid perlu meneka turutan peristiwa berdasarkan kepada nombor yang ditunjukkan pada Roda Masa tanpa ada apa-apa klu yang membantu murid. Pelaksanaan ketiga-tiga aktiviti ini dapat melatih keupayaan murid untuk menyusun fakta sejarah mengikut kronologi.

Pelaksanaan aktiviti Roda Peristiwa ini dapat membantu murid untuk belajar turutan fakta peristiwa yang betul. Murid akan mendapat peluang untuk mengingat setiap fakta yang terdapat dalam peristiwa dan juga susunan peristiwa yang betul melalui kuiz yang dijalankan semasa aktiviti ini. Dalam aktiviti ini juga, murid diberi peluang untuk menggunakan Roda Masa secara berulang-ulang dan berkali-kali supaya memperkuuhkan penyusunan fakta sejarah peristiwa yang dipelajari. Hal ini dapat dilihat melalui kenyataan Norden Mohamed (2013) dalam karyanya Belajar Secara Berulang-ulang , “Apabila sesuatu itu berulang, kita akan ingat. Apabila kita ingat, kita boleh memahaminya. Setelah memahami, kita akan mudah menghayati sesuatu yang diulang-ulang hingga kita menjiwainya.” Justeru, proses pembelajaran menggunakan Roda Masa ini merupakan satu permulaan yang baik untuk meningkatkan kemahiran menyusun fakta.

Pelaksanaan aktiviti Roda Berlapis turut menunjukkan yang Roda Masa ini dapat membantu memenuhi objektif untuk menyusun fakta sejarah mengikut kronologi yang betul. Hal ini demikian kerana melalui pelaksanaan aktiviti ini, murid akan meneka fakta seterusnya yang terdapat dalam kronologi peristiwa tersebut. Kebolehan untuk mengingat susunan seterusnya juga dapat dilatih dan ditingkatkan menggunakan aktiviti ini. Tumpuan murid juga dapat dilatih dalam aktiviti ini. Murid yang memberi tumpuan yang baik boleh meneka fakta peristiwa seterusnya dengan betul. Aktiviti Roda Memori pula dapat membuktikan tahap pencapaian murid terhadap penguasaan kemahiran menyusun fakta peristiwa sejarah mengikut kronologi yang betul. Hal ini demikian kerana dalam aktiviti ketiga ini, murid dikehendaki untuk meneka turutan peristiwa mengikut nombor turutannya tanpa diberi klu. Hal ini memerlukan murid untuk menguasai susunan yang betul untuk menjawab dengan betul. Sekiranya murid telah menjawab dengan betul, maka ia membuktikan yang murid boleh menyusun susunan kronologi fakta sejarah dengan betul.

Kesemua murid saya telah menyatakan tentang kebaikan menggunakan Roda Masa yang membuatkan mereka lebih fokus dan berminat untuk belajar. Murid ini juga menyatakan yang Roda Masa ini banyak membantu mereka untuk menguasai kemahiran menyusun fakta sejarah mengikut kronologi. Kaedah belajar

sambil bermain ini amat menyenangkan murid dan memberi keseronokkan kepada mereka ketika belajar. Menurut Nani Menon (2005) menyatakan pendapatnya tentang kaedah bermain ini membantu dalam penyusunan dalam karyanya Permainan, Lagu dan Puisi Kanak-kanak, dengan menyatakan bahawa, "Melalui bermain mereka gembira dan senang hati membuat penerokaan, penemuan pembinaan melalui pengalaman langsung secara semula jadi. Belajar melalui bermain juga membantu pembentukan personaliti melalui kerjasama, berkongsi, mengikut peraturan., inisiatif dan kesedaran tentang kebersihan dan urutan." Terdapat juga beberapa guru yang telah mencadangkan penambahan lampu atau muzik pada Roda Masa Perkara ini boleh dijadikan satu cara penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanannya Roda Masa ini kepada murid. Penambahan muzik dan lampu akan membuatkan Roda Masa nampak lebih menarik dan boleh menarik perhatian murid. Hal ini akan menjadi galakan dalam kalangan murid untuk melibatkan diri secara aktif. Selain itu, terdapat satu kelemahan yang ingin saya perbaiki ialah pelaksanaan aktiviti menggunakan intervensi saya boleh dilaksanakan dengan membahagikan murid kepada kumpulan kecil mengikut kebolehan yang hampir sama. Misalnya, murid yang sederhana berada dalam satu kumpulan dan kumpulan yang lemah berada dalam satu kumpulan lain. Hal ini agar konsentrasi guru terhadap murid yang dikaji dapat ditingkatkan selain penekanan pengajaran yang diberikan kepada murid mengikut tahap murid. Perkara ini dapat dilihat apabila terdapat murid yang saya pilih yang lemah yang memerlukan pengajaran tambahan dan bimbingan tambahan daripada guru semasa menggunakan Roda Masa ini. Perkara ini boleh disokong dengan kenyataan yang menyatakan bahawa "Ini membolehkan guru mengetahui objektif pembelajaran yang disampaikan berkesan ataupun tidak dan dapat mengesan pelajar yang lemah dan sederhana bagi setiap pengajaran. Ini membolehkan guru membuat perancangan awal sebelum pengajaran bermula.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Kajian ini seharusnya diteruskan lagi pada masa depan supaya pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah di negara kita dapat dipertingkatkan lagi. Beberapa cadangan penambahbaikan juga perlu dikemukakan supaya kajian intervensi ditambah sempurna. Bagi pendapat saya, perkara yang boleh ditambahbaik ialah murid yang digunakan pada satu masa dalam setiap aktiviti boleh dikurangkan. Walaupun Roda Masa ini boleh digunakan oleh ramai pada satu masa yang sama, namun tumpuan atau bimbingan guru tidak dapat diberikan secara sepenuhnya terhadap kesepuluh-sepuluh muridnya.

Penambahbaikan lain yang boleh laksanakan ialah penambahan penggunaan muzik atau lampu pada Roda Masa bagi menarik lagi perhatian murid. Menurut Saayah Abu (2007) di dalam karyanya "Menjadi Guru Tadika" telah menyatakan yang "seorang guru perlu memikirkan aktiviti-aktiviti yang sesuai dan menarik selain daripada menggunakan kaedah dan teknik dalam menghasilkan pengajaran berkesan agar murid tidak bosan dan objektif pelajaran dapat dicapai." Antara penambahbaikan yang boleh dibuat pada Roda Masa ialah menambah lampu di bawah Roda bagi tujuan menceriakan lagi. Perkara ini boleh dilaksanakan apabila kajian ini ingin disambung.

Pada kajian seterusnya juga, fokus kajian saya juga boleh diubah dan diperluaskan untuk menfokuskan kajian pula kepada meningkatkan kemahiran mengingat setiap fakta peristiwa dan susunannya yang betul. Hal ini demikian supaya murid yang tidak dapat mengingat peristiwa secara terperinci dan hanya boleh menyusun fakta peristiwa dalam susunan yang betul, mendapat peluang untuk mengingat setiap fakta yang berkaitan dengan turutan dengan lebih terperinci.

RUJUKAN

- (2003). *Huraian kurikulum prasekolah kebangsaan*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia
- (2013). *Dokumen standard sekolah rendah sejarah Tahun 4*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus sekolah*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Affan Budi Sentosa. (2014). Pengaruh Penerapan Teknik Pembelajaran Brainstorming Terhadap Hasil Belajar Siswa Dalam Mata Pelajaran Sejarah Pada Siswa Kelas XI IPS. *Indonesian Jurnal Of History Education*.3(2), 7 – 11.
- Dra. Seriwati Bukit, M.Psi. (2014). *Media Pembelajaran Sebagai Alat Bantu Keberhasilan Proses Belajar Mengajar*. Dilayari pada 17 Februari 2016. Daripada <http://bdkmedan.kemenag.go.id/wp-content/uploads/3.-MEDIA-PEMBELAJARAN-SEBAGAI-ALAT-BANTU-KEBERHASILAN-PROSES-BELAJAR-MENGAJAR.pdf> Mohd
- John Child, Paul Shuter & David Taylor. (1991). *Understanding history*. Portsmouth : Heinemann Publishing
- Magdalia Alfian. (2011). Pendidikan Sejarah Dan Permasalahan Yang Dihadapi. *Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 3(2).
- Muhyiddin Yassin (2011). *Sudut pandangan Muhyiddin Yassin*. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn. Bhd.
- Nana Supriatna.(2006). *Sejarah*. Indonesia: Penerbit Grafindo Media Pertama.
- Nani Menon. (2005). *Permainan, lagu dan puisi kanak-kanak*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Norden Mohamed. (2013, 10 Julai). *Belajar secara berulang-ulang*. Dilayari pada 31 Julai 2016 daripada <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/belajar-secara-berulang-ulang1.180766>
- S. K. Kochhar (2008). *Pembelajaran sejarah: Teaching History*. Jakarta: Penerbit PT Grasindo.
- Saayah Abu. (2007). *Menjadi guru tadika*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sufean Hussin et.al. (2005). *Pentadbiran dalam pembangunan pendidikan*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Utusan Malaysia. (2013) .SMS berkaitan mata pelajaran sejarah. Dilayari pada 17 Februari 2016 daripada <http://www.moe.gov.my/v/surat-kepada-pengarang-view?id=3344&>
- Zunaida Zakaria, Abdul Razaq Ahmad & Mohd. Mahzan Awang. (2015). Kurikulum standard sekolah rendah (kssr) mata pelajaran sejarah : pelaksanaan dan cabaran. *Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, November 5-7, 1, 439.
- Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad (2011). *Kaedah dan strategi pengajaran kanak-kanak berkeperluan khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.